



TEKS UCAPAN

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU)
RISDA BERSAMA
JUPEM DAN ARKIB NEGARA MALAYSIA**

**OLEH
YB. DATO' HJ. MOHD SALIM BIN MOHD SHARIF
PENGERUSI RISDA**

AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH, IBU PEJABAT RISDA
11 OGOS 2020 (SELASA)
11.30 PAGI

YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

YBhg. Datuk Azemi bin Abdul Aziz
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

YBhg. En. Abdullah bin Zainal
Ketua Pengarah RISDA

YBhg. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah RISDA,
JUPEM dan Arkib Negara Malaysia

Pengarah-Pengarah Bahagian / Negeri RISDA/ JUPEM
dan Arkib Negara Malaysia

Serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

22 Bulan Menjadi Pedoman,
Rakyat Terhimpit Dengan Tekanan,
Pakatan Lama Dijadikan Pengajaran,
Ayuh Bersama Menuju Ke Depan.

Janjinya Manis Bersulam Bisa,
Rakyat Terhimpit Dengan Sengsara,
Keluhan Rakyat Harus Diutama,
Agensi RISDA Terus Diperkasa.

1. Syukur Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bertemu dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara RISDA, JUPEM dan Arkib Negara Malaysia pada hari ini. Saya merakamkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada YBhg. En. Abdullah bin Zainal, Ketua Pengarah RISDA atas kesudian menjemput saya bagi menyaksikan Majlis MoU ini.

2. Dari pihak RISDA, saya merakamkan penghargaan kepada Ybhg. Dato' Ketua Pengarah JUPEM dan Arkib Negara Malaysia di atas kolaborasi yang dilaksanakan pada hari ini. Kerjasama ini membuktikan kita dapat mengaplikasi kepakaran dan teknologi antara jabatan tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi

seterusnya memastikan penyampaian perkhidmatan berkesan kepada kumpulan sasar.

YBhg Dato - Dato dan para hadirin sekalian,

3. Usaha pembangunan tanah untuk program tanam semula sentiasa diteruskan demi memenuhi permohonan daripada pekebun kecil. Sepertimana sedia maklum, RISDA mengendalikan lebih 500,000 orang pekebun kecil dengan pemilikan tanah seluas 1.1 juta hektar. RISDA juga antara agensi di bawah KPLB yang menerima bajet pembangunan terbesar iaitu berjumlah 552 juta untuk tahun 2020 bagi merealisasikan hasrat Kementerian ke arah misi warga Luar Bandar Sejahtera.

4. Menyedari hakikat ini, langkah untuk maju ke hadapan seiring perkembangan teknologi perlu

dilaksanakan. Kaedah konvensional dalam pemantauan kawasan bertanam getah secara manual perlu diubah kepada maklumat pemetaan yang lebih tepat dan sistematik. Justeru, saya yakin dan percaya dengan pengwujudan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang dilaksanakan oleh JUPEM dapat membantu RISDA dalam urusan pembangunan tanah. Hari ini juga akan menjadi langkah pertama RISDA dalam mengembangkan liputan sistem penyampaian ke arah lebih moden dan digital.

5. Saya turut difahamkan, perjanjian persefahaman ini akan bertumpu kepada kerjasama dalam mengoperasi dan mempertingkatkan sistem aplikasi melalui maklumat geospasial dan maklumat pekebun kecil yang boleh dikongsi bersama melalui Portal MyGeoServe dan sistem GIS di RISDA. Dalam erti kata lain, JUPEM dan RISDA

akan berkongsi maklumat geospasial di agensi masing-masing bagi tujuan untuk melengkapkan pangkalan data dan peta masing-masing. Seterusnya, dengan data dan maklumat yang lengkap pastinya melaksanakan penyelidikan, perancangan, penyediaan pelan pembangunan fizikal dan membangunkan modal insan akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan tersusun.

6. Besarlah harapan saya dan seluruh pihak RISDA dengan aplikasi sistem GIS ini, pendekatan perancangan masa hadapan yang rasional dan sistematik, dapat dilaksanakan bagi menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil.

YBhg Dato' – Dato' dan para hadirin sekalian,

7. Tadbir urus yang terbaik atau *good governance* adalah penting bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dapat dicapai. Sehubungan dengan itu, salah satu elemen penting yang perlu ditekankan dalam tadbir urus yang terbaik adalah melalui pengurusan rekod.

8. Pematuhan kepada prosedur dan piawaian pengurusan rekod perlu sentiasa dikemaskini supaya maklumat yang diperlukan oleh stakeholder dan orang awam dapat disediakan dengan tepat, lengkap dan dalam jangkamasa yang ditetapkan.

9. Justeru itu, melalui kerjasama RISDA dan Arkib Negara Malaysia pada hari ini, besarlah harapan saya agar pihak Arkib Negara Malaysia sentiasa membantu

RISDA dalam memberi khidmat nasihat dari segi pengurusan dan pelupusan rekod supaya rekod-rekod terpelihara, dilindungi dari segi keselamatan dan kerahsiaan.

YBhg Dato' - Dato' dan para hadirin sekalian,

10. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada RISDA, Jabatan Ukur Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Arkib Negara Malaysia atas usaha untuk memeterai memorandum persefahaman (MoU) pada hari ini yang akan memudahkan urusan RISDA dalam memenuhi keperluan warga agensi dan juga pekebun kecil pada masa akan datang. Saya mendoakan usaha - usaha yang dilaksanakan ini menghasilkan kejayaan demi

misi pemerksaan ekonomi pekebun kecil dan warga Luar
Bandar.

Buah Salak Di Dalam Kantung,
Kulitnya Keras Isinya Kelat,
Bualt Air Kerana Pembentung,
Bulat Manusia Kerana Muafakat.

Beras Segantang Sudah Disukat,
Lalu Disimpan Di Atas Para,
Andai Kita Semua Bermuafakat,
Negara Damai Rakyat Sejahtera.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.